



BERITA UTAMA

MAJLIS MENGADAP DAN JUNJUNG ZIARAH 431 BAKAL JEMAAH HAJI

»3

Forum Muslimah
“Solat Dipelihara, Keluarga
Bahagia.”

7

Majlis Penutup dan
Penyampaian Sijil Skim
Bimbingan Lanjutan I
bagi Muallaf Siri ke – 106
(Perempuan).

13

Majlis Mengenang Jasa
Mantan Timbalan Menteri
Hal Ehwal Ugama dan
Meraikan Timbalan Menteri
Hal Ehwal Ugama yang
Baru Dilantik.

8

Muallaf Memerdengarkan
Bacaan Al-Qur'an
Melalui Musabaqah Murattal
Al-Qur'an dan Menghafaz
Ayat-ayat Lazim.

14

Meningkatkan Kesedaran
Kelebihan Ibadah Korban
di Kalangan Muallaf.

12

Majlis Penutup Bengkel
Pendedahan Kaedadah
Rasm ‘Utsmani dan
Pengadaptasiannya di dalam
Pentashihan/Penapisan
Al-Qur'an dan Seumpamanya.

20



Majlis Perasmian Persidangan Waqaf Antarabangsa dan Pameran Minggu Islamik

Persidangan Waqaf Antarabangsa
dan Pameran Minggu Islamik
Bertemakan “Merealisasikan
Perlaksanaan dan Pengurusan
Waqaf Secara Komprehensif”.




Kampong Junjongan Bakal Miliki Masjid Baharu

Penduduk Kampong Junjongan
dan Sekitarnya bakal mempunyai
bangunan masjid baharu yang
dijangka siap pada Mei 2023.



Penerbangan Pertama dan Kedua Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam ke Tanah Suci Mekah

Bakal jemaah haji terdiri daripada yang
mengikuti Syarikat Darussalam Holdings
Sendirian Berhad, Straits Central
Agencies (B) Sdn. Bhd. dan Syarikat
Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd



أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ مِنْ كُلِّ خَطَايَا

Aku memohon ampun daripada Allah yang Maha Agung

FADHILATNYA:

Setiap kali sebutan akan menghapuskan satu titik hitam di dalam hati.

PERSIAPAN BAKAL TETAMU ALLAH

Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadat haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya. Dan sesiapa yang mengingkari (kewajipan ibadat haji) maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam.

Surah Aali-'Imraan ayat 97

| Lidah Pengarang |



Alhamsudillah, kita sekarang berada dalam bulan Zulkaedah. Pada bulan ini bakal tetamu Allah akan bertolak ke tanah suci untuk mengerjakan ibadah haji. Setentunya mereka telah pun membuat persediaan awal dari segi fizikal dan mental dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan ibadah haji. Ibadah haji adalah rukun Islam kelima yang diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syarat untuk mengerjakannya.

Untuk itu bagi mereka yang telah cukup syarat-syarat untuk mengerjakan haji, bersegeralah untuk menunaikannya kerana agama Islam sangat mengalakkannya untuk bersegera dalam membuat sebarang amal kebajikan lebih-lebih lagi ibadah yang dituntut dan diwajibkan, firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah al-Maa'idah ayat 48, mafhumnya:

Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebajikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semua maka dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu perselisihan.

Tidak semua orang berpeluang untuk menunaikan ibadah haji, apatah lagi ibadah tersebut memerlukan banyak perbelanjaan dan pengorbanan. Saudara dan sahabat handai kita yang berpeluang dan dapat mengerjakan haji pada tahun ini sangatlah beruntung. Maka kerjakanlah ia dengan bersungguh-sungguh, janganlah disia-siakan kesempatan yang diperolehi itu.

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiyah* •

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran]* • **PENYELARAS:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Watih binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliyan bin Ahad • Dahlia bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliyan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:**

Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • **Putus Da'wah Islamiyah** • **Jabatan Penerangan** •

MAJLIS MENGADAP DAN JUNJUNG ZIARAH 431 BAKAL JEMAAH HAJI

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam tahun 1443H/2022M yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 13 Zulkaedah bersamaan

13 Jun – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji negara. Majlis berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah seramai 431 orang



JUNJUNG ziarah pegawai yang akan mengiringi bakal jemaah haji negara ke tanah suci.



BAKAL-bakal jemaah haji menuaikan Sembahyang Fardhu Zuhur dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah sebelum Majlis Mengadap dan Junjung Ziarah berlangsung.

ms. 3 Atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap kebajikan bakal-bakal jemaah haji negara, baginda berkenan mengurniakan sepasang pakaian ihram bagi lelaki, manakala sepasang telekung bagi wanita.

Rombongan bakal jemaah haji meninggalkan negara pada 15 Jun 2022, jam 11.00 pagi, iaitu bagi penerbangan pertama, manakala penerbangan kedua pula bertolak pada 16 Jun 2022, jam 10.00 pagi.

Pada musim haji tahun ini, hanya tiga buah syarikat pengendalian perkhidmatan pakej haji yang terlibat dalam menguruskan bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam, iaitu Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd.; dan Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.

Kesemua bakal jemaah haji negara juga diberikan kursus daripada syarikat-syarikat operator haji dengan kerjasama guru ugama yang bertugas di Maktab Urusan Haji Pentadbiran Negara Brunei Darussalam secara berterusan untuk membimbing mereka sebelum bertolak ke Tanah Suci agar bakal jemaah haji dapat melaksanakan ibadat rukun Islam kelima itu dengan sempurna dan betul. ■



ANTARA bakal-bakal jemaah haji wanita yang hadir pada majlis berkenaan.



BAKAL jemaah haji lelaki menerima sepasang pakaian ihram, manakala bakal jemaah haji wanita menerima sepasang telekung.

MAJLIS PERASMIAAN PERSIDANGAN WAQAF ANTARABANGSA DAN PAMERAN MINGGU ISLAMIK

Oleh : Hajah Ratna Wati
Haji Abdul Karim

diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.



PERASMIAAN Persidangan Waqaf Antarabangsa dan Pameran Minggu Islamik Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2022 disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Tetamu-Tetamu Kehormat Bersama Majlis.

BERAKAS, Rabu, 1 Zulkaedah bersamaan 1 Jun – Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2022 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2022 - Brunei MYCE 2022) membuka tirainya dengan Persidangan Waqaf Antarabangsa, yang dikelolakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersempena dengan Brunei MYCE 2022 anjuran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, dipimpin oleh Begawan Mudim Haji Abdul Latif bin Haji Saman,

Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.



Majlis Perasmian Persidangan Waqaf Antarabangsa dan Pameran Minggu Islamik berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan tema persidangan ialah "Merealisasikan Perlaksanaan dan Pengurusan Waqaf Secara Komprehensif".

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat bersama, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji

Acara diteruskan dengan ucapan Persidangan Waqaf Antarabangsa oleh Tetamu Kehormat Bersama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Perasmian Persidangan Waqaf Antarabangsa dan Pameran Minggu Islamik Brunei MYCE 2022, disempurnakan bersama oleh tetamu-tetamu kehormat bersama.

Pembentangan Kertas Perdana, disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Intipati Kertas Perdana antara lain menyatakan bahawa waqaf merupakan satu sistem yang menggabungkan aspek kerohanian dan kehartaan demi untuk meraih keredaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sejarah telah membuktikan sejak zaman awal perkembangan Islam lagi, bahawa waqaf mempunyai peranan besar dan signifikan ms. 6



SESI lawatan ke petak-petak Pameran Minggu Islamik Brunei MYCE 2022 oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Tetamu Kehormat Bersama.

ms. 5 negara dan memberi jaminan kesejahteraan hidup ummah terutamanya jika ianya diurus dengan baik dan efektif.

Acara seterusnya diikuti dengan pembentangan Kertas Utama I, bertajuk "Kerangka Memperdankannan Semula Waqaf Dalam Perbadanan dan Tamadun Nusantara 7.0" disampaikan oleh Yang Mulia Datuk Dr. Mohd Ghazali Md Noor; Timbalan Setiausaha Agong Forum Zakat dan Waqaf, Malaysia secara muka.

Kertas kerja tersebut bertujuan menimbulkan kesedaran, kepentingan dan signifikasi serta komposisi "tajwid" iaitu tajwid di dalam pemikiran ummah kepada kedudukan institusi waqaf di era kebangkitan semula ummah di dalam konteks dunia kontemporari.

Sebanyak empat kertas kerja utama dibentangkan pada Persidangan Waqaf Antarabangsa 2022 ini. Adapun objektif persidangan berkenaan, antara lain adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai waqaf dan peranannya secara komprehensif, dalam menjana serta menstabilkan ekonomi dan menyerlahkan keistimewaan serta kelebihan institusi waqaf sebagai ejen pembangunan ummah. Selain itu, persidangan ini juga untuk mengenal pasti urus tadbir waqaf yang efektif dan efisien serta menyampaikan isu

dan cabaran yang dihadapi, dalam pelaksanaan serta pengurusan waqaf di negara-negara jiran.

Pameran Minggu Islamik Brunei MYCE 2022 diadakan selama empat hari sehingga 4 Jun 2022. Petak-petak pameran berkenaan antara lain memfokuskan pada tema waqaf yang memuatkan klinik waqaf dikendalikan bersama oleh Bahagian Waqaf, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, KHEU; UNISSA dan KUPU SB.

Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2022 (Brunei MYCE 2022) dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Lembaga Pelancongan Brunei dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, pihak berkepentingan dan agensi-agensi swasta. Acara Brunei MYCE 2022 ini juga disokong penuh oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Selain itu, antara rakan-rakan kongsi lain yang juga mendukung acara Brunei MYCE 2022 ini adalah D'Sunlit Sdn. Bhd. selaku pengendali acara; Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) sebagai rakan rasmi Telco; serta beberapa rakan media rasmi iaitu Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan

Penerangan (Pelita Brunei) dan Brunei Press Sdn Bhd.

Persidangan Waqaf Antarabangsa anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersempena dengan Brunei MYCE 2022 kali ini telah dijayakan dengan kerjasama baik Penaja-penaja Utama terdiri daripada Bank Islam Brunei Darussalam, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei dan Abdul Razak Holdings; serta daripada Penaja-penaja Bersama terdiri dari Takaful Brunei Am Sendirian Berhad dan Datastream Digital Sdn Bhd (DST).

Turut hadir; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-pengarah; dan Pegawai-pegawai Kanan dari kementerian-kementerian.

Hadir sama, Pengarah-pengarah Urusan dan wakil-wakil Penaja-penaja Utama Persidangan Waqaf Antarabangsa Brunei MYCE 2022, terdiri daripada BIBD; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei; dan Abdul Razak Holdings; serta daripada Penaja-penaja Bersama, terdiri daripada Takaful Brunei Am Sendirian Berhad; dan DST. ■

FORUM MUSLIMAH “SOLAT DIPELIHARA, KELUARGA BAHAGIA”

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



TETAMU Kehormat pada majlis berkenaan adalah Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Bandar Seri Begawan, Khamis, 2 Zulkaedah bersamaan 2 Jun –

Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jame'Asr Hassanil Bolkiah telah menganjurkan program keugamaan yang berbentuk forum sempena sambutan Hari Keluarga bagi Tahun 1443H/2022M. Pelaksanaan program ini bukan sahaja diadakan secara kehadiran fizikal bahkan diadakan secara live streaming bertujuan dapat diikuti oleh para muslimah Kelas

Bimbingan Muslimah seluruh negara khasnya dan orang ramai secara amnya.

Antara pengisian forum tersebut adalah berkisar mengenai kekuatan dan peranan ibadah sembahyang dalam mengukuhkan dan membina sebuah keluarga yang sakinhah, mawaddah wa rahmah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah itu adalah isteri

Menyanyi Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi. Turut hadir, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Jamaiah binti Haji Abd. Manaf.

Forum bertajuk 'Solat Dipelihara Keluarga Bahagia' pada hari tersebut dipengerusikan oleh Hajah Sinega binti Haji Swadi, Tenaga Pembimbing Kelas Bimbing Muslimah.

Sementara ahli-ahli forum terdiri daripada Awang Haji Abdullah Amer bin Haji Abdul Hamid, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumah Tangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Dayangku Izzati binti Pengiran Haji Kashran, Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Usrah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Program tersebut diharaskan dapat memberi kesedaran kepada para muslimah untuk membimbing keluarga ke jalan yang direhui Allah Subhanahu wa Ta'alaa dengan meningkatkan ketaatan dan ibadah kepada-Nya khususnya ibadah sembahyang. ■



AHLI-ahli forum yang terlibat dalam program tersebut.

MAJLIS MENGENANG JASA MANTAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA DAN MERAIKAN TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA YANG BAHARU DILANTIK



Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

Sebelum dilantik menjadi Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Acara kemuncak majlis ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan cenderahati kenangan dan sijil penghargaan kepada Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan meraikan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang baharu dilantik, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis berkenaan adalah sebagai mengenang dan menghargai jasa bakti dan sumbangan dari segi tenaga, masa, buah fikiran dan bimbingan yang telah diperlukan oleh Mantan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selama berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis berkenaan juga meraikan dan mengalau-alukan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang baharu dilantik, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan. ■



MENTERI Hal Ehwal Ugama bergambar ramai bersama Timbalan Menteri KHEU dan Mantan Timbalan Menteri KHEU yang diraikan.

KAMPONG JUNJONGAN BAKAL MILIKI MASJID BAHARU

Oleh : Dahlan Chuchu



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama meneruskan upacara menuang simen bakal masjid baharu Kampong Junjongan.

Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, Menteri Pembangunan selaku tetamu kehormat bersama.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei; Setiausaha Tetap- Setiausaha Tetap dan Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pembangunan serta penduduk Kampong Junjongan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Majlis diteruskan dengan acara menuang simen didahului oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, Menteri Pembangunan dan diikuti oleh para jemputan khas yang hadir. Kemudiannya bacaan Doa Selamat oleh Yang Mulia Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Di penghujung majlis, tetamu kehormat bersama serta para jemputan yang hadir berkesempatan menyaksikan video pameran mengenai ciri-ciri pembinaan bangunan masjid yang baharu berkenaan.



LAUANG azan dan bacaan zikir dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

PENERBANGAN PERTAMA DAN KEDUA JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE TANAH SUCI MEKAH

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada bakal jemaah haji yang mengikuti penerbangan pertama.

BERAKAS, Rabu, 15 Zulkaedah bersamaan 15 Jun – Penerbangan pertama yang membawa seramai 248 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam telah bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada jam 11:22 pagi dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4201. Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada jam 3.30 petang waktu tempatan.

Bakal jemaah haji terdiri daripada bakal jemaah haji yang mengikuti Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad seramai 168 orang jemaah, iaitu 85 orang lelaki dan 83 orang perempuan.

Manakala jemaah haji yang mengikuti Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. membawa seramai 67 orang terdiri dari 27 orang lelaki dan 40 orang perempuan. Sementara Syarikat Al- Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd membawa 13 orang jemaah haji iaitu 5 orang lelaki dan 8 orang perempuan.

Mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama ini ialah 7 orang Pegawai Perubatan Pejabat Urusan Jemaah Haji yang terdiri dari 3 orang lelaki dan 4 orang perempuan, serta Pegawai Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Pegawai Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. dan Pegawai Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn.Bhd.



PENERBANGAN pertama membawa seramai 248 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. dan Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn.Bhd.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran bin Haji Kunchang dan lafaz Azan dilaungkan oleh Yang Mulia, Begawan Mudim Awang Haji Abd Latif bin Haji Saman.

Hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada bakal jemaah haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Major General (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan dan isteri.

Juga hadir Yang Mulia Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, selaku Pengurusi Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi Ke Bandar Seri Begawan; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan.

Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi Ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan.

Turut hadir; Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri, Pengarah-pengarah, dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Pengarah-pengarah Urusan Syarikat Pengendali Paket Haji.



ANTARA yang hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada bakal jemaah haji yang mengikuti penerbangan kedua.



TURUT hadir adalah isteri Menteri-menteri.

Manakala, pada Hari Khamis, 16 Zulkaedah bersamaan 16 Jun, seramai 206 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang mengikuti penerbangan kedua telah bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada jam 10:01 pagi dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4203. Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada jam 2.30 petang waktu tempatan.

Bakal jemaah haji terdiri daripada 95 orang lelaki dan 111 orang perempuan yang mengikuti Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad. Mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan kedua ini ialah 7 orang Pegawai Perubatan Pejabat Urusan Jemaah Haji yang terdiri dari 3 orang lelaki dan 4 orang perempuan serta pegawai Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat dan lafaz Azan dilaungkan oleh Yang Mulia, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd Salleh.

Hadir bagi mengucapkan selamat baylor kepada bakal jemaah haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin

Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Major General (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan dan isteri.

Juga hadir Yang Mulia Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi ke II, selaku Pengurusi Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi Ke Bandar Seri Begawan; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan isteri; Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan; Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) dan isteri, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Pengarah Urusan Syarikat Pengendali Paket Haji. ■



PENERBANGAN kedua membawa 206 orang bakal jemaah haji yang mengikuti Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

MENINGKATKAN KESEDARAN KELEBIHAN IBADAH KORBAN DI KALANGAN MUALLAF

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

PULAI, Jumaat, 24 Zulkaedah bersamaan

24 Jun – Sebagai salah satu sarana da'wah dan metod untuk mengajak para muallaf bagi sama-sama menghayati dan meningkatkan serta menanamkan minat mereka dalam sama-sama meraikan hari-hari kebesaran Islam, Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) telah mengadakan Program Semasa iaitu Program Tarbiyah Di Bulan Zulhijjah Bersama Muallaf: Kelebihan Ibadah Korban.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Abd Aziz bin Haji Abd Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Program yang dihadiri oleh muallaf-muallaf terdiri daripada peserta-peserta Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei Muara ini merupakan program tambahan kepada muallaf yang mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei dan Muara di samping sebagai persiapan awal bagi menyambut kedatangan bulan Zulhijjah 1443H pada tahun ini khususnya ibadah korban.

Antara objektif program ini diadakan juga adalah untuk menanamkan rasa ukhuwwah di kalangan para muallaf di sebalik hikmah dan pengajaran yang terdapat dalam pelaksanaan ibadah korban.

Program ini diserikan dengan tazkirah yang bertajuk "Kelebihan Ibadah Korban" yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji



HADIR selaku tetamu kehormat adalah Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar.

Muhammad Nazir bin Haji Othman, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara intipati tazkirah yang disampaikan antaranya ialah ibadah korban dapat mengikis sifat tamak dan mewujudkan sifat murah hati untuk membelanjakan harta ke jalan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Harta yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada kita itu bukan hak milik mutlak sendiri malah di dalamnya ada hak-hak orang lain seperti golongan fakir miskin dan sebagainya. Harta itu hendaklah disalurkan untuk dzakat, sedekah, waqaf dan membantu yang memerlukan antaranya melalui ibadah korban. Ibadah korban juga melahirkan tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala terhadap nikmat rezeki yang telah dikurniakan.

Program ini diharap akan dapat meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan serta menanamkan rasa ukhuwwah di kalangan para muallaf di sebalik hikmah, pengajaran dan kelebihan yang terdapat dalam pelaksanaan ibadah korban.



SESI bergambar ramai peserta program semasa Tetamu Kehormat.

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL SKIM BIMBINGAN LANJUTAN I BAGI MUALLAF SIRI KE – 106 (PEREMPUAN)

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

PULAI, Isnin, 16 Zulkaedah

bersamaan 16 Jun – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) telah mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan I (Perempuan) Siri Ke-106 bagi Muallaf di Dewan Maui'zzah, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Skim Bimbingan Lanjutan I (Perempuan) Siri Ke-106 bagi Muallaf ini telah diadakan selama 14 hari bermula 1 Jun 2022 hingga 16 Jun 2022 secara serentak di keempat-empat daerah.

Jumlah keseluruhan peserta muallaf yang menyertai skim pada kali ini adalah seramai 67 orang terdiri daripada 22 orang dari Daerah Brunei Muara, 18 orang dari Daerah Tutong, 9 orang dari Daerah Belait dan 18 orang dari Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan juga menyampaikan sijil kepada para peserta skim ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh.



TETAMU kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah ketika hadir di majlis berkenaan.

Antara objektif skim ini adalah untuk memberikan bimbingan kepada muallaf dalam meningkatkan dan menghalusi lagi ilmu pengetahuan ugama Islam terutama bidang ibadat sembahyang, aqidah dan akhlak serta mata pelajaran seperti Tauhid, Fiqh Solat, Fiqh Haji, Fiqh Munakahat, Tasawwuf, Muqaddam, Amali, Sejarah Islam dan Kefahaman Keluarga.

Di samping itu, dalam usaha menjaga dan memelihara kemaslahatan muallaf, Pusat Da'wah Islamiah juga telah menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk muallaf seperti Bimbingan Pengenalan Islam, Program Lawatan Tarbiyah Muallaf, Skim Bimbingan Asas, Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II.

Para muallaf juga boleh mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf pada setiap hari Juma'at bagi Daerah Brunei Muara dan seminggu sekali mengikut jadual yang telah disediakan bagi Daerah Tutong, Belait dan Temburong.



SESI bergambar ramai peserta Skim Bimbingan Lanjutan 1 Bagi Muallaf Siri Ke – 106.

MUALLAF MEMPERDENGARKAN BACAAN AL-QUR'AN MELALUI MUSABAQAH MURATTAL AL-QUR'AN DAN MENGHAFAZ AYAT-AYAT LAZIM

Oleh : Azizah Hidup

Bandar Seri Begawan, Isnin, 6 Zulkaedah bersamaan 6 Jun – 4

orang peserta pertandingan membaca Al-Qur'an iaitu Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi @ Suanddy bin Suhaimi, Dayang Siti Nur Afiqah binti Muhd. Asnawi @ Bong Yick Mei dan Awang Haji Muhammad Nabil Hakim bin Haji Muhammad Nabil Hafizzuddin @ Alexson Anak Ampeling serta Dayang Siti Nur Syahirah binti Muhd. Asnawi @ Bong Yick Hwan @ Vanessa Anne Bong, masing-masing merupakan johan peserta lelaki dan perempuan

di Musabaqah Murattal Al-Qur'an dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Peringkat Daerah. Pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah 1443H/2022M itu telah berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang-pemenang dan peserta-peserta pertandingan musabaqah pada sebelah petang pertandingan ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Seramai 19 orang peserta terdiri daripada 5 orang peserta lelaki dan 5 orang peserta perempuan bagi kategori Murattal Al-Qur'an dan 4 orang peserta lelaki dan 5 orang peserta perempuan bagi kategori Menghafaz Ayat-Ayat Lazim telah mengikuti pertandingan Musabaqah peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Antara lain tujuan pertandingan ini ialah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam (MUIB) di mana baginda menegaskan agar da'wah di negara ini perlu dipertajamkan. Tegas baginda, "Kita juga mahu da'wah itu berkesan,

da'wah yang berkesan itulah, da'wah yang berjaya". Pertandingan juga bertujuan untuk memperlihatkan keberkesanan bimbingan yang telah diberikan kepada para muallaf melalui Skim-Skim dan Kelas-Kelas Bimbingan Muallaf yang dikendalikan secara berterusan.

Manakala, pada 11 Zulkaedah bersamaan 11 Jun, Majlis Musabaqah Murattal Al-Qur'an dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Senegara Peringkat Daerah Belait 1443H/2022M telah diadakan bertempat Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait.



ANTARA peserta yang menyertai majlis berkenaan.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh selaku tetamu kehormat menyampaikan ucapan khas.

Seramai 17 orang muallaf menyertai Musabaqah Murattal Al-Qur'an dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Senegara bagi Peringkat Daerah Belait dikendalikan oleh Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan Sinar Islam (PSI) Daerah Belait.

Awang Muhammad Nur Aisamuddin bin Muhammad Hanafi dan Dayang Hajah Norainie binti Abdullah masing-masing menjadi Johan peserta lelaki dan perempuan bagi kategori Murattal Al-Qur'an. Sementara Awang Muhammad Dzulkarnain Hamzah bin Abdullah Tingub dan Dayang Nur Raihana binti Muhammad Hanafi, keduanya adalah Johan bagi peserta lelaki dan perempuan bagi kategori Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Peringkat Daerah Belait. Johan bagi setiap kategori akan mewakili Daerah Belait di peringkat negara yang akan diadakan kemudian.

Penyampaian hadiah dan sijil penghargaan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

Dalam pertandingan tersebut, peserta lelaki bagi kategori Murattal Al-Qur'an telah menperdengarkan bacaan surah



AWANG Muhammad Nur Aisamuddin bin Muhammad Hanafi, Johan peserta lelaki bagi kategori Murattal Al-Qur'an.

al-Mu'minun dan surah An-Nuur sementara surah al-Israa' dan surah Yuunus bagi peserta perempuan.

Manakala bagi kategori Menghafaz Ayat-Ayat Lazim, para peserta lelaki telah menperdengarkan hafazan bagi surah adh-Dhuhaa, surah at-Tiin, surah al-'Aadiat dan surah asy-Syarh sementara surah al-Maa'uun, surah at-Takaatsur, surah az-Zalzalah dan surah al-Humazah bagi peserta perempuan serta bacaan-bacaan wajib dalam sembahyang.

Johan bagi setiap kategori akan mewakili daerah masing-masing untuk



TETAMU kehormat majlis, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada para peserta.

Majlis Pengislaman **JUN 2022**

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَنِهِمْ وَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ وَجَاءَهُمْ
الْبَيِّنَاتُ وَلَلَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٦﴾

Mafhumnya:

Bagaimana Allah akan mengurniakan hidayat kepada suatu kaum yang ingkar sesudah mereka beriman dan sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam) itu benar dan telah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas? Dan Allah tidak akan mengurniakan hidayat kepada kaum yang zalim.

Surah Aa-li 'Imraan ayat 86



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk U管家 Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



| Features |

DIVINE MAHABBAH

Love of Allah, for Allah, by Allah, With Allah

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

(Continue from previous)

When we reached a place called 'Abaadaan [a place situated in present-day Iran], I said to my companions, "This man is a stranger here, moreover, he is a new muslim. We would do well to gather some money for him in order to help him out." We gathered what we could, but when we tried to give him the money, he exclaimed, "What is this!" We said, "Money that you can spend on yourself." He said, "You have guided me to a way that you do not know yourselves. When I was living on a barren desert in the middle of the ocean, and I worshipped other than Him, He did not allow me to go without; then how is it possible that He will make me be needy, when it is Him alone that I now worship? Indeed He is the Creator and the Provider." He then left us and went on his way.

A number of days passed before we heard any news of his whereabouts. We were told he was in such and such place and that he was extremely sick. When we reached him, we saw that he was on the verge of dying. After extending greetings of peace to him, I said, "Do you need

anything?" He said, "The One Who brought you to the island when I did not know Him has provided me with all that I need," he said. I sat down beside him, thinking that I could stay for a while and comfort him. I soon fell asleep, however, and saw a dream. In the graveyard of 'Abaadaan I saw the most beautiful girl that I have ever seen. She was saying, "Hasten his burial, for it is a long time now that I have been waiting for him." I woke up with a start and found that he had just died. I washed his body and enshrouded him. That night, after the burial had taken place, I saw another dream. In it, he was looking very handsome, sitting beside the same girl, repeating the verse 24 in Surah ar-Ra'd: *Peace be upon you because you persevered in patience and how excellent is the final home!* [al-Mawaa'id wal-Majaalis: 40-42]

The "Mad" Slave Girl

'Ataa Rahimahullah 'alaihi purchased a slave girl said to be mad and brought her to his house. In the night she woke up and prayed, weeping excessively. In her doa, she appealed to Allah: "O my Allah! By the love Thou hast for me, show mercy on me." 'Ataa interrupted her by telling her that she should rather say: "By the love that I have for Thee."

She got irritated at this and said: "By Allah! Had He not loved me, I would not be standing here before Him while you are in your bed." Then she fell down in sajdah and cried: "I am growing more and more restless. How can one rest whose peace of mind is taken away by love, eagerness and constant anxiety? O Allah! Show mercy and give some glad news." Then she made doa in a loud voice: "O Allah! So far the matter between me and Thee has been a secret.

Now people have come to know of it. O Allah! Call me back." After saying this, she cried aloud and died on the spot. Allah Subhanahu wa Ta'ala had indeed loved her so much that He responded to her do'a immediately.

Sometimes, even animals, plants and insects show greater love for Allah than us human beings!

The Three-Legged Ant

There was an ant with only three legs, who decided to go on Hajj. On the road from Damascus to Makkah, he came to the Hijaz desert. He had travelled for some distance into the desert when he came across another ant, returning from Makkah. The second ant looked at the three-legged ant and asked: "Where are you going?" The three-legged ant replied: "I am on the way to Makkah." The other ant said: "You'll never make it! It's a terribly difficult journey, even for an ant with six legs. You'll die along the way!" The three-legged ant looked at him. He thought for a moment. Then he smiled and said: "What does it matter if I die? At least I'll die on the road to Makkah."

(To be continue...)

Rukun

- Niat Ihram
- Wuquf Di 'Arafah
- Tawaf
- Sa'ie
- Bercukur / Bergunting
- Tertib

Jika ditinggalkan atau tidak dilaksanakan sama ada sengaja atau tidak maka ibadat haji itu tidak sah.



Haji

Rukun Islam Yang Kelima



NAMA ANAK LAKI-LAKI

Ijlal Fida'i

إجلال فدائی

Penghormatan, Penghargaan, Pejuang, Pengorbananku

Ilham Bahri

إِلْمَام بَهْرَى

Pemahaman, Keramahan, Kegemilanganku

'Irfan Munawwar

عُرْفَان مُنُور

Yang Berpengetahuan, Yang Dikurniakan Cahaya

Nama-Nama
BISAI

untuk anak
damit



Hadits diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, Daripada Abu Wahab al-Jusyami, Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah kamu bernama dengan nama-nama para nabi."

Wajib

- Ihram dari miqat.
- Bermalam di Muzdalifah pada malam 10 Zulhijjah.
- Melontar Jamratul 'Aqabah pada 10 Zulhijjah.
- Bermalam di Mina (2 atau 3 malam).
- Melontar ketiga-tiga jamrah pada hari-hari Tasyriq 11, 12 dan 13 Zulhijjah.
- Meninggalkan perkara-perkara yang dilarang semasa berihram.

Jika ditinggalkan atau tidak dilaksanakan, ibadat haji tetap sah akan tetapi diwajibkan membayar Dam dan berdosa jika ditinggalkan dengan sengaja.

أَسْمَاء الْبَنَاتِ

NAMA ANAK
BINI-BINI

Inarah Majidah

إِنَارَةٌ مَاجِدَةٌ

Terang Bercahaya,
Yang Memiliki Kemuliaan

Inas Najiyah

إِينَاسٌ نَاجِيَةٌ

Kemesraan,
Ramah Tamah, Yang Selamat

Jauharah Sakinah

جوهرة سكينة

Permata, Mutiara,
Ketenangan, Kesopanan



'Tidak Camah Mata'

"Niat kita membangun adalah semata-mata untuk rakyat dan negara. Rakyat dikelinga dan negara pula dibina. Inilah ajaran ugama kita. Sesama rakyat ditutut untuk tidak camah mata. Mana-mana yang kuat hendaklah menolong yang lemah dan yang senang menolong yang susah. Inilah rukun hidup kepimpinan Islam."

Sebab itu Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam sampai memberi peringatan bahawa tidak beriman seseorang itu jika dirinya saja yang kenyang, sedang jirannya dibiarkan lapar (maksud hadits)..."

MENDOAKAN ORANG YANG HENDAK MUSAFIR

Sunat bagi orang yang tinggal mendoakan orang yang hendak musafir, sepetimana doa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.

فِي حَفْظِ اللَّهِ وَفِي كَفْوَزَوْدَكَ أَلَّهُ وَالْتَّقَوْيَ

وَغَفَرَلَكَ دَنَبَكَ وَوَجَهَكَ لِلْخَيْرِ أَيْنَمَا تَوَجَّهَ



Hadits diriwayatkan oleh ad-Darimi, dari Anas bin Malik Radhiallahu 'anhu mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Dalam pemeliharaan dan pertolongan Allah, semoga Allah membekalkan engkau dengan taqwa, mengampuni dosamu dan memudahkan bagimu kebajikan di mana saja engkau berada"

MAJLIS PENUTUP BENGKEL PENDEDAHAN KADEAH RASM 'UTSMANI DAN PENGADAPTAISIANYA DI DALAM PENTASHIHAN/PENAPISAN AL-QUR'AN DAN SEUMPAMANYA

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta bengkel.

Bandar Seri Begawan, Khamis, 1 Zulhijjah bersamaan 30 Jun– Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penapisan dan Pameran (Terbitan-terbitan/Pos-Pos Kawalan) dan Urusetia Penerbitan Tafsir Mushaf Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Penutup Bengkel Pendedahan Kaedah Rasm 'Utsmani dan Pengadaptasiannya di dalam Pentashihan/Penapisan Al-Qur'an dan Seumpamanya.

Seramai 43 orang peserta terdiri dari pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian Penapisan dan Pameran,

Pusat Da'wah Islamiah menyertai bengkel yang dikendalikan selama 4 hari bermula dari 27 hingga 30 Jun 2022 di Dewan Ta'lim, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Awang Abdul Hazim @ Abdul Azeem bin Haji Abdul Halim, Pegawai Perkembangan Ugama (i-Ready). Diikuti dengan ucapan oleh Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis yang juga menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta bengkel.

Antara objektif bengkel diadakan ialah untuk menjadikan Urusetia Lajnah Pentashihan al-Qur'an, Pusat Da'wah Islamiah, sebagai tempat pentashihan dan rujukan yang diiktiraf dan tempat rujukan dalam bidang pengawalan dan pentashihan al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam yang sebanding dengan negara-negara lain. Bengkel juga bertujuan untuk menghasilkan satu garispanduan penapisan yang berkualiti dan diiktiraf serta meningkatkan keyakinan orang ramai dengan penyediaan perkhidmatan yang lebih bermutu. ■



ANTARA moderator pada bengkel berkenaan.